



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM 2022

Bahasa Cina (911)



BAHASA CINA 911/1

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 315 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 83.16% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.79	3.49	6.03	8.25	22.54	14.60	17.46	2.86	2.86	2.86	8.25

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan yang diberi oleh calon tahun ini adalah sederhana. Majoriti calon didapati kurang mahir dalam menjawab soalan 5, iaitu ulasan petikan bahasa Cina moden di Bahagian B. Calon juga lemah dalam menjawab soalan esei 7(a), 7(b), dan 7(c), manakala calon mahir dalam menjawab soalan esei teks pilihan iaitu soalan 9(a), 9(b), dan 9(c). Didapati, penguasaan calon dalam pengetahuan kesusasteraan Cina klasik dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang adalah kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan esei Bahagian C dengan baik.

Calon diminta menambah baik kemahiran untuk memberi komen dan menilai terutama dalam menjawab soalan kefahaman dan soalan ulasan petikan bahasa Cina moden. Soalan berbentuk taksonomi aras tinggi menghendaki calon menghurai, menganalisis, membuat perbandingan, menilai, dan memberi cadangan. Maklumat ini tidak dapat dipetik secara terus dari petikan yang dibaca, tetapi ia melibatkan pemikiran calon untuk menyelesaikan masalah, dan mencari kaedah untuk mengatasi masalah. Sebagai contoh, soalan 4 dalam Bahagian A menghendaki calon memberi pandangan terhadap gelandangan yang tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap. Bagaimanakah calon boleh memberi cadangan supaya mereka dilindungi oleh undang-undang? Bagaimanakah pengalaman pahit mereka boleh dijadikan pengajaran kepada orang ramai? Soalan berbentuk kognitif dan afektif aras tinggi memang memerlukan kebolehan sumbang saran calon berdasarkan penilaian terhadap keadaan yang berbeza. Teknik menjawab berdasarkan pengalaman hidup calon hendaklah ditambah baik.

Teknik menjawab soalan ulasan petikan bahasa Cina moden juga hendaklah ditambah baik lagi. Teknik memetik menghendaki calon memahami maklumat utama dan penting dalam petikan atau teks. Calon dinasihati supaya tidak menyalin ayat secara bulat-bulat. Pindaan ayat seperti menyunting perbendaharaan kata yang tidak membawa makna perlu berdasarkan tatabahasa bahasa Cina yang betul. Pemetikan maklumat yang penting dari setiap perenggan harus mengikut susunan perenggan dalam petikan, kerana ia melibatkan komen yang logik dan perbincangan yang berturutan. Calon dinasihati supaya tidak memetik maklumat dari perenggan sesuka hati. Setiap maklumat utama yang dipetik, calon hendak mengguna

kosa kata yang sesuai untuk mengubah suai ayat-ayat tersebut semula, sama ada mengurangkan bilangan perkataan dengan membuang perkataan yang tidak membawa maklumat utama kepada ayat asal, atau penambahan perkataan ayat asal dengan perkataan baharu yang menekan kepada maksud maklumat utama dalam ayat asal. Pemberian komen dan cadangan calon terhadap ayat yang dipetik atau diubah suai adalah penting untuk calon menyempurnakan jawapan bagi soalan ini.

Untuk memantapkan pengetahuan calon terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan Cina dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang, calon boleh membaca dan mengulang kaji bahan rujukan yang disenaraikan dalam sukatan pelajaran Bahasa Cina Tingkatan Enam. Perhatian harus diberi kepada beberapa aspek seperti pengetahuan setiap peringkat yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Cina klasik dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang, sasterawan tersohor pada setiap dinasti dan karya sasteranya, ciri-ciri keistimewaan karya sastera yang dihasilkan dari setiap dinasti dari aspek isi kandungan dan pemikiran, penggunaan bahasa, cara penulisan dan retorik, ciri kesenian dan nilai estetika, pengaruh karya sastera kepada penulis, dan karya sastera seterusnya; kedudukan karya sastera dalam perkembangan kesusasteraan Cina dan sebagainya.

Pada soalan 7 dan 9, calon diminta menguasai teknik memberi komen, membuat perbandingan, menilai, dan memberi cadangan supaya mereka boleh menjawab soalan dengan baik. Kebiasaannya calon membuat persediaan yang mantap untuk menjawab soalan pilihan teks, tetapi mereka tidak semestinya boleh mendapat markah yang tinggi dalam menjawab soalan 9, kerana teknik menjawab soalan ini melibatkan tahap taksonomi aras tinggi. Calon digalakkan membuat latihan tambahan bagi soalan taksonomi aras tinggi.

Calon harus menguasai cara yang betul untuk menulis aksara Cina dan menggunakan perbendaharaan kata yang sesuai dan relevan untuk mengulas pandangan. Ayat-ayat yang dibina hendaklah berdasarkan tatabahasa bahasa Cina yang betul dan tepat. Kesilapan menulis aksara Cina dan penggunaan bahasa yang tidak standard serta kesalahan tatabahasa tidak patut berlaku pada calon Tingkatan Enam.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menerangkan pandangan penulis terhadap golongan masyarakat yang tidak mempunyai tempat kediaman dan hidup dengan cara bergelandangan. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon mengulas faktor yang mengakibatkan rakyat hidup dengan cara gelandangan tanpa tempat kediaman yang tetap. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah amat baik.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghurai layanan yang diterima oleh golongan yang hidup bergelandangan di pasaran tenaga kerja dan teknik yang digunakan oleh mereka untuk memperolehi kos kehidupan. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah amat baik.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon memberi komen tentang orang yang hidup pada zaman moden sekarang yang masih menghadapi masalah tidak mempunyai tempat kediaman sendiri dan implikasi yang kita boleh dapat dari pengalaman mereka sebagai golongan yang bergelandangan. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

BAHAGIAN B

Bahagian B ialah soalan ulasan petikan bahasa Cina moden. Soalan ini menghendaki calon memetik isi penting dalam setiap perenggan mengikut susunan dalam petikan. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Hal ini adalah kerana beberapa sebab yang disenaraikan di bawah:

- (i) Calon tidak menguasai teknik menjawab untuk memetik, mengulas dan memberi komen terhadap isi kandungan yang dipetik.
- (ii) Calon menyalin semula petikan ayat tanpa membuat pindaan.
- (iii) Calon memetik ayat perenggan yang bukan ayat yang membawa maklumat yang terpenting dalam perenggan tersebut. Pemahaman calon terhadap maklumat utama yang disampaikan oleh penulis adalah penting. Kebolehan untuk mengenal pasti maklumat utama dalam setiap perenggan dalam petikan akan membantu calon memberi komen terhadap petikan maklumat penting secara tepat dan relevan.
- (iv) Calon tidak memberi pandangan dan komen terhadap maklumat penting yang dipetik dari setiap perenggan dalam petikan. Seolah-olah maklumat utama yang dipetik tiada berkaitan dengan ulasan yang dibuat oleh calon.
- (v) Calon mengguna kosa kata yang tidak tepat dan relevan untuk mengulas pandangan dan membuat komen.

BAHAGIAN C

Bahagian C mengandungi dua soalan, iaitu soalan 6 dan 7.

Soalan 6 terdiri daripada soalan struktur, iaitu 6(a), 6(b), 6(c), 6(d), 6(e), dan 6(f).

Soalan 6(a) menghendaki calon mengenal pasti nama penulis bagi karya prosa bersejarah yang berjudul “Zuozhuan” (《左传》). Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah *Zuo Qiuming* (左丘明).

Soalan 6(b) menghendaki calon mengenal pasti salah satu cara penulisan yang digunakan untuk mencipta “Shijing” (《诗经》) ialah cara penulisan berbentuk *Fu* (赋).

Soalan 6(c) menghendaki calon mengisi nama penyair yang menghasilkan puisi digelar sebagai Kesusasteraan *Jian'an* (建安文学). Mereka adalah *Cao Cao* (曹操), *Cao Pi* (曹丕), dan *Cao Zhi* (曹植).

Soalan 6(d) menghendaki calon memberi maklumat siapa yang mengkritik cara penulisan karya sastera yang diamalkan pada dinasti Qiliang yang dinamakan sebagai Qiliang stail (齐梁文风). Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah *Chen Zi'ang* (陈子昂).

Soalan 6(e) menghendaki calon mengenal pasti siapa yang memberi komen puisi *Wang Wei* (王维). Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah *Su Dongpo* (苏东坡).

Soalan 6(f) berkaitan dengan peraturan yang digunakan untuk mencipta puisi yang dikemukakan oleh *Shen Yue* (沈约).

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 6 adalah memuaskan.

Soalan 7 mengandungi tiga soalan esei, iaitu 7(a), 7(b), dan 7(c). Calon diminta memilih dan menjawab salah satu soalan.

Soalan 7(a) menghendaki calon menghuraikan ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Chuci* (楚辞). Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Latar belakang penghasilan karya sastera *Chuci* di Lembah Sungai *Chang Jiang* (长江流域).
- (ii) Penulis tersohor bagi karya sastera *Chuci*.
- (iii) Isi kandungan dan pemikiran utama yang disampaikan oleh karya sastera *Chuci*.
- (iv) Ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Chuci* dari aspek cara penulisan, penggunaan bahasa, cara retorik, stail, ciri kesenian, dan nilai estetika.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Kelemahan calon ialah calon tidak dapat menghuraikan ciri-ciri berdasarkan contoh yang tepat dan relevan. Penghuraian calon dan jawapan yang diberi adalah secara umum.

Soalan 7(b) menghendaki calon menghuraikan kemunculan dan ciri-ciri keistimewaan puisi berirama pada zaman dinasti Selatan dan Utara China. Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Latar belakang kemunculan puisi berirama di dinasti yang berpusat selatan (南朝) dan utara (北朝) di China.
- (ii) Ciri-ciri keistimewaan puisi dihasilkan pada dinasti Selatan dan dinasti Utara.
- (iii) Perbezaan antara puisi dinasti Selatan dan Utara dari aspek isi kandungan, stail, cara penulisan, ciri kesenian, dan nilai estetika.

Pencapaian calon dalam soalan ini adalah lemah kerana mereka tidak dapat menghuraikan ciri-ciri puisi berirama yang dicipta pada dinasti Selatan dan Utara berdasarkan contoh yang relevan. Kekurangan kata kunci dan kosa kata yang sesuai untuk menghurai nilai estetika dan gaya puisi berirama yang dihasilkan pada kedua-dua dinasti ini.

Soalan 7(c) menghendaki calon menghuraikan pandangan *Han Yu* (韩愈) untuk penulisan prosa klasik Cina. Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Latar belakang Pergerakan Prosa Klasik (古文运动) pada zaman dinasti Tang.
- (ii) Konsep, idea, cara penulisan yang dikemukakan oleh *Han Yu* untuk menulis prosa klasik yang berlainan dengan prosa tradisi.
- (iii) Pengaruh pandangan *Han Yu* dalam Pergerakan Prosa Klasik terhadap penulis prosa ketika itu dan seterusnya.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah lemah kerana mereka tidak dapat menjawab soalan berdasarkan ulasan yang berkaitan dengan jawapan (ii) dan (iii) dengan contoh yang relevan.

Secara keseluruhan, calon kurang mantap menjawab soalan 6 dan 7 kerana skop pembelajaran untuk sejarah dan perkembangan kesusasteraan dari zaman Pra-Qin hingga dinasti Tang terlalu luas, mengakibatkan mereka tidak dapat fokus kepada skop yang spesifik untuk membuat ulang kaji dan menghafalkan contoh-contoh relevan untuk menjawab soalan esei.

BAHAGIAN D

Bahagian D mengandungi dua soalan, iaitu soalan 8 dan 9. Soalan 8 terdiri daripada soalan struktur, iaitu 8(a), 8(b), 8(c), 8(d), dan 8(e).

Soalan 8(a) menghendaki calon menulis Tuhan Laut Utara dalam prosa Sungai Musim Luruh (〈秋水〉) yang ditulis oleh *Zhuang Zi* (庄子).

Soalan 8(b) menghendaki calon menulis perahu (船) sebagai jawapan yang betul.

Soalan 8(c) menghendaki calon menulis dua rangkap puisi *Tao Yuanming* “采菊东篱下，悠然见南山”.

Soalan 8(d) meminta calon menulis satu rangkap puisi *Cen Shen* “双袖龙钟泪不干”.

Soalan 8(e) meminta calon menulis arak yang bermutu tinggi (美酒) dihasilkan di bandar *Xinfeng* (新封市).

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 9 mengandungi tiga soalan esei, iaitu 9(a), 9(b), dan 9(c).

Soalan 9(a) menghendaki calon membuat perbandingan dan penilaian terhadap pemilihan rakyat *Yongzhou* (永州) sama ada menangkap ular yang berbisa dua kali setahun atau membayar cukai pertanian tahunan. Calon diminta menghurai mana satu pilihan adalah lebih beruntung dan selamat kepada rakyat *Yongzhou*. Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Kebaikan dan keburukan untuk pilihan pertama: Menangkap ular berbisa.
- (ii) Kebaikan dan keburukan untuk pilihan kedua: Membayar cukai pertanian tahunan.
- (iii) Pengalaman yang dihadapi oleh rakyat *Yongzhou* yang memilih pilihan pertama atau kedua.
- (iv) Pandangan orang yang memilih menangkap ular berbisa dan perasaannya sebagai penangkap ular.
- (v) Pandangan penulis *Liu Zongyuan* (柳宗元) terhadap pengalaman hidup penangkap ular.
- (vi) Komen calon terhadap pemerintahan zalim yang menganiaya rakyat pada zaman dinasti Tang melalui pembayaran cukai pertanian tahunan dan melakukan perkara yang mengancam nyawa rakyat.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik.

Soalan 9(b) menghendaki calon memberi komen dan menilai sikap dan kelakuan *Guo Jie* (郭解). Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Sikap dan tingkah laku *Guo Jie* yang dikisah oleh *Sima Qian* (司马迁) dalam Prosa Rekod Sejarah (《史记》).
- (ii) Komen tingkah laku *Guo Jie* yang melanggar undang-undang.
- (iii) Komen sikap keberanian *Guo Jie*, kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah anak kakaknya, sikap yang mementingkan persahabatan, tidak mementingkan faedah, keuntungan dan penghargaan yang boleh didapati dari sumbangan yang telah diberi kepada pihak yang lain.
- (iv) Menilai sikap dan tingkah laku *Guo Jie* berdasarkan apa yang telah dilakukan olehnya semasa beliau masih hidup.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 9(c) menghendaki calon menghuraikan isi kandungan Memandang ke Kawasan Lapangan (〈野望〉) yang ditulis oleh *Du Fu* (杜甫). Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Latar belakang penulisan puisi ini.
- (ii) Objektif bagi penyair menulis puisi ini.
- (iii) Isi kandungan utama yang disampaikan dalam setiap rangkap puisi.
- (iv) Perasaan dan cita-cita penyair terhadap negara dan rakyat.
- (v) Kenangan penyair terhadap adik yang berpisah kerana peperangan dalam negara.
- (vi) Harapan penyair terhadap pendamaian negara.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah baik.

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab ketiga-tiga soalan esei ini adalah sangat memuaskan. Calon menguasai pengetahuan, teknik menjawab dan cara penghuraian yang mantap, ayat dan contoh yang relevan untuk memberi pandangan dan ulasan terhadap objek dan perkara yang dinilai.

BAHASA CINA 911/2

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 303 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 76.56% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.87	7.26	6.93	7.59	15.18	12.87	13.86	6.93	6.27	3.63	6.60

RESPONS CALON

Komen am

Calon perlu memantapkan pengetahuan bahasa Cina moden dan bahasa Cina klasik untuk menjawab soalan di Bahagian A dan C. Pengetahuan semantik, leksikal, tatabahasa, dan sistem penyebutan bahasa Cina baku adalah penting dalam membantu calon menjawab soalan.

Calon perlu menguasai teknik alih bahasa dan teknik menjawab soalan alih bahasa, biasanya ialah alih bahasa dari bentuk puisi ke prosa naratif baharu. Calon juga diminta mengalih bahasa berpandu dengan kosa kata yang sesuai dan relevan dengan tema dan isi kandungan puisi. Makna asal puisi yang dipinda ke prosa masih dikekalkan, calon hanya dibenarkan mengembangkan isi kandungan puisi dengan penambahan kosa kata di ayat puisi supaya ayat tersebut boleh dijadikan ayat prosa baharu. Cadangan adalah seperti menambah kata sifat di depan kata nama, letak kata adverba dan kata pelengkap di depan dan belakang kata kerja transitif; menambah kata adverba di depan kata sifat dan sebagainya. Calon diminta meminda setiap ayat puisi kepada ayat prosa dengan penambahan komponen bahasa yang baharu ke dalam ayat prosa.

Calon perlu memantapkan pengetahuan terhadap sejarah dan perkembangan kesusasteraan Cina klasik. Pengetahuan ini adalah penting bagi calon menjawab soalan struktur dan soalan esei di Bahagian C. Pengetahuan yang perlu diperolehi oleh calon adalah sejarah dan perkembangan kesusasteraan Cina berkaitan dengan tokoh sasterawan tersohor dari dinasti Song hingga dinasti Qing, ciri-ciri keistimewaan karya sastera terkenal dari aspek isi kandungan, pemikiran, perasaan penulis, cara penulisan, dan retorik serta nilai estetika.

Calon perlu menambahbaik teknik menjawab soalan teks pilihan dengan memberi contoh dan ungkapan yang penting dalam menghuraikan isi kandungan, pemikiran, nilai estetika, dan kesenian sesuatu karya sastera.

Komen soal demi soal

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti dua aksara yang mempunyai vokal yang sama. Pencapaian calon adalah lemah dalam memastikan struktur fonem vokal aksara Cina. Jawapan yang betul bagi soalan ialah D, iaitu “葶” dan “緝” mempunyai vokal yang sama, iaitu “-i”.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti kosa kata yang mempunyai makna yang betul dan tepat. Pencapaian calon menjawab soalan ini adalah memuaskan. Jawapan yang betul ialah C, “莞尔” bukan bermakna bersimpati, tetapi ia bermaksud senyum.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti perbendaharaan tunggal bahasa Cina “单纯词”. Pencapaian calon menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Jawapan yang betul ialah A, iaitu “摩登” kedua-dua aksara digabungkan membentuk makna bergaya; dan “扑通” kedua-dua aksara digabungkan membentuk makna seperti “suara air jatuh ke lantai – *Putong*”.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti kosa kata Cina klasik yang mempunyai struktur tatabahasa Cina yang betul. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Jawapan yang betul ialah C, iaitu “好冷的天气”, ayat bukan subjek-predikat (非主谓句).

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti cara pembentukan ayat majmuk berikut: “你向前走，到了红绿灯，向左转，再直走五百米左右，你就会看到博物馆在你的右边”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah ayat majmuk progresif (承接复句).

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti cara pembentukan ayat majmuk berikut: “毛虫只有经过痛苦的羽化，才能变成美丽的蝴蝶”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Jawapan yang betul ialah ayat majmuk bersyarat (条件复句).

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa untuk membentuk ayat pertama dalam ayat majmuk seperti yang digariskan berikut: “针对新冠肺炎重症患者，全球各地的医学专家都在极力探索最有效的治疗方法”. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Jawapan yang betul bagi soalan ini adalah kata adverba di depan kata kerja transitif dalam ayat majmuk ini. Ayat majmuk ini dapat disusun semula seperti berikut: “全球各地的医学专家都在针对新冠肺炎重症患者极力探索最有效的治疗方法”, komponen ayat yang digariskan dapat dimasukkan ke dalam ayat

ini di depan kata kerja transitif “探索” (mengkaji) membuktikan komponen ayat ini adalah kata adverba untuk menerangkan kata kerja transitif ayat majmuk ini.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa yang digariskan pada ayat berikut: “据报导，夺走近 30 万条宝贵人命的南亚大海啸发生于 2004 年 12 月 26 日”。Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah komponen pelengkap (补语) bagi kata kerja “发生” (berlaku) untuk menerangkan tarikh yang berlaku bencana Tsunami.

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti cara retorik bagi ayat majmuk berikut: “做人要脚踏实地，无论取得多大成就，尾巴也不能翘到天上”。Pencapaian calon dalam soalan ini adalah kurang memuaskan. Jawapan yang betul bagi soalan ini adalah cara retorik hiperbola “夸张”.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti cara retorik ayat majmuk yang berikut: “很多人都把愿望的实现阶段往后无限延伸，到后来，理想变成梦想，梦想变成妄想，妄想终于变成终生遗憾”。Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah cara retorik *anadiplosis* “顶真”.

BAHAGIAN B

Soalan 11 menguji kemahiran bahasa calon untuk mengalih bahasa puisi kepada prosa naratif. Puisi bahasa moden ini bertajuk “Seorang tukang kayu yang tua” (〈一个老木匠〉) yang ditulis oleh *Mu Dan* (穆旦). Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Namun begitu, teknik alih bahasa calon kurang mantap dan kekurangan yang didapati adalah seperti berikut:

- (i) Sebahagian calon tidak menguasai teknik alih bahasa untuk mengalih ayat puisi kepada ayat prosa.
- (ii) Sebahagian calon kurang faham tema utama yang disampaikan oleh puisi ini. Mereka tidak dapat menyampaikan tema puisi dalam prosa yang dialih.
- (iii) Sebahagian calon hanya menyalin ayat puisi tanpa pindaan.
- (iv) Sebahagian calon tidak dapat menggunakan kosa kata yang sesuai dan tepat untuk mengalih isi kandungan puisi kepada prosa.

BAHAGIAN C

Bahagian C ialah Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik. Bahagian ini mengandungi tiga soalan kefahaman iaitu soalan 12, 13, dan 14.

Soalan 12

Soalan ini menghendaki calon menerangkan asal-usul Gunung Orang Bodoh (愚公谷). Jawapan calon bagi soalan ini termasuk:

- (i) Asal-usul penamaan Gunung Orang Bodoh berasal dari perbualan antara pemerintah *Qihuangong* (齐桓公) dengan seorang tua.
- (ii) Orang tua memelihara lembu betina dan ia melahirkan anak lembu. Apabila anak lembu ini besar, orang tua menjual lembu ini dan membeli seekor kuda. Pada suatu hari, orang tua ini berjumpa dengan seorang remaja, beliau memberitahu orang tua lembu betina tidak boleh melahirkan kuda. Kuda kepunyaan orang tua dirampas oleh remaja ini. Ini adalah sebab utama orang tua ini diberi gelaran oleh jiran-jiran di sebelah rumahnya sebagai orang bodoh dan gunung ini juga dinamakan sebagai “Gunung Orang Bodoh”.

Soalan 13

Soalan ini menghendaki calon mengulas pandangan *Guan Zhong* (管仲) terhadap “Gunung Orang Bodoh” yang dikisahkan oleh pemerintah *Qihuangong* dan calon perlu membuat penilaian kenapa *Guan Zhong* memberi respons begini. Jawapan yang diberi oleh calon termasuk:

- (i) Pemerintah yang bijaksana seperti Raja Yao (尧帝), dibantu oleh seorang hakim bernama *Jiu Yao* (咎繇) yang adil, rakyat yang hidup dalam keadaan ini tidak berani merampas kuda orang lain.
- (ii) Makna tersirat respons *Guan Zhong* bermaksud pemerintahan yang kurang bijaksana dan hakim yang tidak adil mengakibatkan rakyat berani merampas harta benda kepunyaan orang lain.

Soalan 14

Soalan 14(a) menghendaki calon menterjemah ayat bahasa Cina klasik ini “公誠愚矣！夫何为而与之？” kepada ayat bahasa moden. Ayat ini diterjemah dalam bahasa Cina moden adalah berikut: “愚公真是愚蠢啊！您为何把马交给了他（少年）呢？” Pencapaian calon dalam soalan ini adalah kurang memuaskan.

Soalan 14(b) menghendaki calon mengenal pasti makna dan ciri-ciri leksikal dalam ayat yang digariskan, seperti yang ditunjukkan di bawah:

- (i) 若有见暴如是叟者，又必不与也。 Perkataan “暴” dalam ayat bermakna “暴行”, tindakan yang zalim dan kelakuan atau tindakan yang melanggar undang-undang, kata nama.
- (ii) 犹有以智为患者也。 Perkataan “犹” bermaksud “seperti”, “serupa”, kata adverba.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan 14 adalah kurang memuaskan.

Secara keseluruhan, calon kekurangan pengetahuan bahasa Cina klasik dari aspek makna, tatabahasa dan tahap kefahaman yang mencukupi untuk menjawab soalan kefahaman teks bahasa Cina klasik.

BAHAGIAN D

Bahagian D adalah soalan berkaitan dengan Sejarah Kesusasteraan Cina Klasik II. Bahagian ini mengandungi dua soalan iaitu soalan 15 dan 16.

Soalan 15

Soalan 15(a) menghendaki calon menulis ciri-ciri keistimewaan karya berirama *Ci* (词) yang dicipta oleh *Zhou Bangyan* (周邦彦).

Soalan 15(b) menghendaki calon menulis gaya penciptaan puisi Aliran *Xikunti* (西昆体).

Soalan 15(c) menghendaki calon menulis cara untuk merumus isi kandungan drama yang dicipta pada zaman dinasti Yuan dipanggil nama sebagai “nama sebenar tajuk” (题目正名).

Soalan 15(d) menghendaki calon menulis cerita *Wu Song* (武松) membunuh isteri abangnya di mana cerita ini berasal dari perwatakan *Ximen Qing* (西门庆) dan Pan Jinlian (潘金莲), dua perwatakan yang penting dipindah dari novel “*Shuihu Zhuan*” (《水浒传》) dan “*Jinpingmei*” (《金瓶梅》). Jawapan yang betul ialah “武松杀嫂”, penterjemahan jawapan ini ialah *Wu Song* membunuh isteri abangnya.

Soalan 15(e) menghendaki calon menulis konsep penulisan prosa yang dikemukakan oleh *Fang Bao* (方苞) dari Aliran *Tongcheng* (桐城派) di mana penulisan prosa menekankan kepada tatabahasa, isi kandungan dan format. Jawapan yang betul ialah “义法” (Yifa).

Soalan 15(f) menghendaki calon menulis sebuah karya yang mengandungi lebih kurang 400 fiksyen, isi kandungannya mengisah cerita musang raksasa, tuhan, dan hantu untuk membayangkan kegelapan hidup rakyat. Karya ini berjudul “*Liaozhai Zhiyi*” (《聊斋志异》).

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 15 adalah kurang memuaskan.

Soalan 16

Soalan 16(a) menghendaki calon menghuraikan ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Huaben* (话本) yang dihasilkan dalam dinasti Song. Jawapan bagi soalan termasuk ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Huaben* dari aspek:

- (i) Kemunculan karya sastera *Huaben* dari segi tempoh masa.
- (ii) Keperluan *Huaben* diwujudkan.
- (iii) Penulis *Huaben* pada zaman dinasti Song.
- (iv) Isi kandungan utama yang disampaikan oleh *Huaben* dengan contoh sebagai bukti.
- (v) Cara penulisan karya *Huaben*.
- (vi) Nilai estetika karya *Huaben*.

Jawapan yang dihuraikan oleh calon tidak mencerminkan mereka mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Huaben* yang dihasilkan pada dinasti Song. Mereka hanya menerangkan latar belakang karya sastera *Huaben* dan mengisah isi kandungannya secara ringkas.

Soalan 16(b) menghendaki calon menghurai faktor-faktor mengakibatkan karya sastera *Sanqu* (散曲) yang dibangkit dan dijadikan popular pada dinasti Yuan. Jawapan bagi soalan ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu:

- (i) Punca mengakibatkan kebangkitan karya sastera *Sanqu* pada zaman dinasti Yuan.
- (ii) Faktor penyebab karya *Sanqu* menjadi popular dalam kalangan rakyat pada zaman dinasti Yuan.

Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini berdasarkan punca kebangkitan dan faktor karya *Sanqu* menjadi popular pada zaman dinasti Yuan.

Soalan 16(c) menghendaki calon menghurai ciri-ciri keistimewaan isi kandungan dan kesenian drama berjudul “*Taohua Shan*” (《桃花扇》) yang dihasilkan oleh *Kong Shangren* (孔尚任). Jawapan bagi soalan ini termasuk:

- (i) Ciri-ciri keistimewaan isi kandungan drama “*Taohua Shan*”.
- (ii) Perwatakan dalam drama “*Taohua Shan*” dan semangat kecintaan negara.
- (iii) Ciri-ciri keistimewaan kesenian drama termasuk cara penulisan, plot cerita, dan nilai estetika.

Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan berdasarkan skema yang disebutkan.

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 16 adalah lemah. Calon perlu memantapkan pengetahuan tentang latar belakang perkembangan kesusasteraan Cina klasik, tokoh sasterawan tersohor, ciri-ciri keistimewaan pelbagai bentuk karya sastera seperti *Huaben*, *Sanqu* dan drama yang dicipta dari dinasti Song hingga dinasti Qing.

Jawapan yang dihuraikan oleh calon tidak mencerminkan pengetahuan tentang ciri-ciri keistimewaan karya sastera *Huaben* yang dihasilkan pada dinasti Song. Mereka hanya menerangkan latar belakang karya sastera *Huaben* dan mengisahkan isi kandungannya secara ringkas.

BAHAGIAN E

Soalan 17

Soalan 17(a) menghendaki calon mengisi tempat kosong frasa yang tertinggal dalam ayat *Qu* (曲) yang berjudul “*Shanpoyang · Tongguan Huaigu*” (〈山坡羊·潼关怀古〉). Frasa ini bermaksud keadaan yang bahaya, disifatkan sebagai ombak yang sangat marah. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah “波涛如怒”.

Soalan 17(b) Ayat dalam karya berjudul “*Zheguiling · Jiuri*” (〈折桂令·九日〉): “对青山强整乌纱, 归雁横秋, 倦客思家”, bermaksud kebencian dan kelelahan penulis terhadap keadaan politik. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah “仕途” atau “官场”.

Soalan 17(c) Mengenai ayat “不忍登高临远” dalam karya “*Basheng Ganzhou*” (〈八声甘州〉) bermaksud penulis tidak berani mendaki tinggi dan memandang jauh disebabkan oleh perasaan mengenangkan kampung dengan kepahitan dan kesedihan.

Soalan 17(d) Mengenai “air musim bunga” (春水) dalam “*Tasuo Xing · Houguan Meican*” (〈踏莎行·候馆梅残〉) bermaksud kenangan yang tidak terputus, manakala “gunung musim bunga” (春山) bermakna perjarakan yang jauh.

Soalan 17(e) Pandangan *Fang Xiaoru* (方孝孺) yang disampaikan oleh karya prosanya yang berjudul “Perbincangan terhadap *Yurang*” (〈豫让论〉) ialah hero yang berani mesti mempunyai pandangan politik yang jauh, menyumbang kebijaksanaan kepada tuannya, memberi nasihat kepada tuannya secara terus terang dan boleh menghalang segala kejadian buruk berlaku sebelum ia terjadi. Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah “犯言直谏”.

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 17 adalah memuaskan. Calon mempunyai pengetahuan yang relevan untuk memberi jawapan yang disenaraikan di atas.

Soalan 18

Soalan 18 mengandungi tiga soalan esei. Calon dikehendaki memilih dan menjawab salah satu soalan esei sahaja.

Soalan 18(a) menghendaki calon menganalisis isi kandungan dan pemikiran puisi berjudul “Sepohon pokok *Firmiana Simplex* yang tunggal” (〈孤桐〉). Jawapan yang dihurai oleh calon termasuk:

- (i) Latar belakang penyair dan faktor penyebab penyair mencipta puisi ini.
- (ii) Imej pokok *Firmiana Simplex* dalam puisi ini, cara retorik, makna tersurat dan tersirat.
- (iii) Menghurai isi kandungan utama puisi.
- (iv) Pengalaman hidup dan keadaan politik membentuk pemikiran dan perasaan penyair.
- (v) Implikasi dan penilaian calon terhadap isi kandungan dan pemikiran yang disampaikan melalui puisi ini.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 18(b) menghendaki calon menghuraikan perwatakan *Tang Weng* (唐翁) yang berani dan kemahiran beliau dalam menangkap harimau dalam fiksiyen berjudul “Orang Tua yang Menangkap Harimau” (〈老翁捕虎〉). Jawapan yang diberi bagi soalan ini termasuk:

- (i) Perwatakan *Tang Weng* dalam fiksiyen.
- (ii) Sikap, kemahiran, dan proses orang tua menangkap dan membunuh harimau.
- (iii) Pandangan rakyat kampung terhadap orang tua *Tang Weng* sebelum dan selepas beliau berjaya membunuh harimau.
- (iv) Implikasi dan ajaran calon dari keberanian dan kemahiran orang tua itu membunuh harimau.

Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

Soalan 18(c) menghendaki calon menghuraikan perwatakan seperti *Lu Zhailang* (鲁斋郎) dan *Zhang Gui* (张珪) dalam drama “*Bao Daizhi Zhizhan Lu Zhailang*” (《包待制智斩鲁斋郎》) dan pengertian zamannya. Jawapan yang diberi bagi soalan ini termasuk:

- (i) Latar belakang penciptaan drama ini.
- (ii) Watak dan perwatakan *Lu Zhailang* dan *Zhang Gui*, dua pelakon yang utama dalam drama ini.
- (iii) Pengertian zaman yang disampaikan oleh penulis dalam karya dramanya.
- (iv) Implikasi calon terhadap isi kandungan, perwatakan dan pengertian zaman yang berkaitan dengan drama ini.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan 18 adalah memuaskan. Mereka dapat menghuraikan isi kandungan, pemikiran, implikasi dan komentar mereka terhadap tiga buah karya sastra yang dibincangkan dalam kertas soalan ini.

BAHASA CINA 911/3

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 300 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 85.68% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	35.00	4.67	1.67	5.00	17.00	12.67	9.67	2.67	1.67	1.67	8.33

RESPONS CALON

Komen am

Pada keseluruhannya, pencapaian prestasi dan mutu jawapan calon memuaskan, kecuali Bahagian B iaitu Soalan 5 dan 6 yang berkaitan dengan Sejarah Kesusasteraan Cina Moden. Jumlah markah ialah 15 dan kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan lengkap. Dalam Bahagian A, iaitu, penulisan karangan, prestasi adalah memuaskan. Secara keseluruhannya, pelajar dapat menguasai gaya bahasa yang lancar dalam penyampaian isi pendapat. Dalam Bahagian C, iaitu soalan 7 dan 8 yang berkaitan dengan teks-teks pilihan sastera moden, prestasi pelajar telah menunjukkan kemajuan yang jelas.

Calon perlu memantapkan pengetahuan berkenaan dengan isu-isu semasa. Selain itu, pelajar juga perlu menguasai gaya bahasa yang lancar dalam penyampaian isi pendapat. Calon juga perlu memberi perhatian tentang struktur karangan. Bagi soalan menulis sebuah prosa yang berelemen naratif dan sentimental (meluahkan perasaan penulis), calon perlu mempunyai daya kreativiti untuk menghasilkan cerita yang munasabah atau menceritakan pengalaman dan meluahkan perasaan dengan nilai-nilai positif. Pelajar juga diminta menulis dengan menggunakan retorik dan bahasa sastera.

Calon perlu memantapkan pengetahuan terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan Cina moden. Pengetahuan ini adalah penting bagi calon menjawab soalan ringkas dan soalan esei di Bahagian B. Pengetahuan yang perlu dikuasai oleh calon adalah berkenaan dengan peristiwa penting perkembangan sastera Cina moden dan tokoh-tokoh sasterawan tersohor dari Gerakan 4 Mei 1919 sehingga tahun 1949. Calon juga diminta untuk mengetahui ciri-ciri keistimewaan karya sastera terkenal dari aspek isi kandungan, pemikiran, perasaan penulis, cara penulisan, dan retorik serta nilai estetika.

Calon perlu menambah baik teknik menjawab soalan teks pilihan sastera Cina moden dengan memberi contoh dan ungkapan yang penting dalam menghurai tema, isi kandungan, pemikiran, nilai estetika, dan kesenian sesuatu teks karya sastera. Calon juga perlu menguasai teknik mengembangkan isi kandungan teks.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Esei (Pilih 1 daripada 4 soalan)

Prestasi calon bagi soalan 1, 3, dan 4 dalam topik esei adalah lebih kurang sama, tetapi prestasi soalan 2 kurang memuaskan. Hal ini menunjukkan calon tak dapat menguasai topik tertentu. Kebanyakan calon telah memilih soalan 1 yang topiknya adalah berkaitan dengan pembelajaran atas talian, ini mungkin kerana topik tersebut berkaitan rapat dengan pelajar yang baru mengalami pembelajaran atas talian semasa wabak Covid-19. Prestasi soalan 2 yang kurang memuaskan mungkin disebabkan jumlah menjawab yang kurang di mana topik tersebut adalah berkaitan dengan pembelajaran sastera.

Secara am, menulis karangan merupakan bahagian yang diperuntukkan dengan markah yang tertinggi dalam Kertas 3 Bahasa Cina STPM. Calon yang memperolehi gred A dalam bahagian ini mempunyai kompetensi bahasa yang tinggi, ayat yang lancar, gaya bahasa cantik dan menunjukkan kematangan. Isi-isi yang disampaikan juga sesuai dan tepat. Istilah-istilah yang digunakan juga tepat dan jelas. Retorik yang diaplikasikan juga sesuai dengan isu-isu yang dibentangkan.

Soalan 1

Tajuk esei ialah “Wabak Covid-19 telah menjadikan kelas dalam talian sebagai fenomena biasa. Huraikan kebaikan dan keburukan kelas dalam talian.” Fokus karangan ini berkaitan dengan kebaikan dan keburukan kelas dalam talian. Esei ini dinilai dari segi pandangan dan komen, calon perlu memberi hujah yang berkaitan seperti sumber pembelajaran atas talian adalah kaya dan pelbagai, dapat belajar di pelbagai tempat dan tidak terhad dalam bilik darjah, dan cara pembelajaran yang menarik. Dari segi keburukan kelas dalam talian, contoh jawapan termasuk interaksi pelajar dan guru terbatas, perlu ada talian internet dan alat-alat komputer dan masalah gangguan internet. Soalan ini telah menjadi pilihan ramai calon dan ini menunjukkan kepekaan mereka terhadap isu sosial ini.

Soalan 2

Calon kurang memberi tumpuan terhadap soalan ini. Tajuk esei ialah “Pengajaran bahasa Cina di sekolah rendah di negara kita lebih menekankan pementapan sastera berbanding penguasaan tatabahasa.” Calon perlu memberi pendapat terhadap isu ini berdasarkan pengalaman dan fakta-fakta yang munasabah. Jawapan yang boleh diterima adalah kepentingan pembelajaran sastera, memupuk perasaan bahasa (语感), meningkatkan keupayaan membaca dan berpeluang terdedah kepada klasik sastera. Pada keseluruhannya, prestasi calon bagi soalan ini adalah tidak memuaskan kerana mereka tidak dapat memberi pendapat yang bernas dan menyeluruh.

Soalan 3

Tugasan soalan ini ialah menulis sebuah prosa yang berelemen naratif dan sentimental (meluahkan perasaan penulis) dengan ayat permulaan esei yang berkenaan dengan pertelingkahan antara bapa dan abang disebabkan perbezaan pendapat tentang adat resam tradisional. Calon yang memilih tajuk ini perlu menghasilkan cerita yang munasabah atau menceritakan pengalaman dan meluahkan perasaan dengan nilai-nilai positif. Pelajar juga diminta menulis dengan menggunakan retorik dan bahasa sastera. Prestasi calon agak memuaskan.

Soalan 4

Tajuk esei ialah “Ibu bapa Asia sering menuntut dan mendisiplinkan anak-anak mereka berdasarkan harapan mereka sendiri, dan ini telah membawa kepada pelbagai masalah sosial remaja.” Calon dikehendaki menghuraikan fenomena ini dan memberi pendapat sendiri. Contohnya, calon boleh memberi hujah seperti sikap ibu bapa yang keras dan rigid, pemikiran dan persepsi pengajaran yang tradisional. Calon juga dikehendaki memberi pendapat berkenaan dengan masalah remaja yang disebabkan oleh sikap ibu bapa tersebut. Secara keseluruhan prestasi calon adalah memuaskan.

BAHAGIAN B: Sejarah Kesusasteraan Moden Cina

Soalan 5 adalah soalan wajib, calon diminta memilih lima soalan daripada enam soalan yang dikemukakan. Kesemua soalan adalah berkenaan dengan pengetahuan sejarah kesusasteraan Cina moden. Mutu jawapan calon agak lemah, dan merosot dibandingkan dengan tahun 2021.

Soalan 6 adalah soalan pilihan, jawab satu daripada tiga soalan yang dikemukakan, iaitu soalan 6(a), 6(b) atau 6(c). Secara am, prestasi calon sangat tidak memuaskan, walau bagaimanapun, ia adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 2021.

Kelemahan secara keseluruhan bagi Bahagian B ialah:

Calon sangat lemah dalam menjawab semua soalan ringkas dan pilihan dalam Bahagian B kerana mereka kekurangan pengetahuan berkaitan dengan sejarah kesusasteraan Cina moden. Dalam erti kata lain, mereka tidak mampu membuat persediaan yang cukup untuk menghafal fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah serta perkembangan dalam kesusasteraan Cina moden.

Soalan 5

Prestasi calon terhadap soalan ringkas adalah tidak memuaskan. Kebanyakan calon tidak dapat jawab, dan banyak soalan ringkas dijawab dengan salah. Jawapan-jawapan yang tepat adalah seperti berikut:

- (i) 浪漫主义 (romantisisme)
- (ii) 《尝试集》 (“*Changshi Ji*”)
- (iii) 生涩的文字 (teks tersentak)
- (iv) 寒夜 (malam yang sejuk)
- (v) 知识分子 (intelektual)
- (vi) 张恨水 (*Zhang Henshui*)

Jawapan yang diberikan oleh calon mencerminkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan asas yang mencukupi terhadap sejarah kesusasteraan Cina moden.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menganalisis tiga ciri utama pemikiran sastera Gerakan. Soalan ini amat popular, walau bagaimanapun, ramai calon tidak dapat menghuraikan soalan ini dengan baik. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Aliran realisme adalah dominan.
- (ii) Romantisisme juga merupakan aliran sastra yang kuat.
- (iii) Pengenalan modernisme dari luar negeri.

Soalan 6(b) menghendaki calon menganalisis watak drama “*Leiyu*” (《雷雨》) karya *Cao Yu*. Hanya sesetengah calon dapat menjawab dengan memuaskan. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Kaum kapitalis dalam masyarakat feodal.
- (ii) Menginjak-injak maruah dan hak orang lain sebagai manusia.
- (iii) Cinta dan integriti yang berhipokrit.

Soalan 6(c) menghendaki calon menganalisis tema puisi *Mu Dan* (穆旦) berkenaan dengan penerokaan dan pengejaran diri sendiri. Soalan ini adalah kurang popular dalam kalangan calon. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Penerokaan dan ekspresi “diri-sendiri” yang unik.
- (ii) “Diri-sendiri”nya mencerminkan kesedaran terhadap persepsi kehidupan.
- (iii) Satu subjek emosi yang penuh kasih sayang.

Pada keseluruhan, prestasi calon bagi soalan 6 tidak memuaskan.

BAHAGIAN C: Pilihan Teks Sastra Cina Moden

Soalan 7

Soalan wajib – mengandungi lima soalan ringkas dan calon diminta menjawab kelima-lima soalan ringkas tersebut. Prestasi calon adalah tidak memuaskan jika dibandingkan dengan tahun 2021.

Soalan ini merupakan soalan ringkas atau pilihan respons yang betul. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasar teks pilihan bahasa Cina moden yang telah dipilih mengikut sukatan pelajaran bahasa Cina. Calon dapat menjawab soalan tersebut sekiranya membuat persediaan yang cukup. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan teks pilihan bahasa Cina moden adalah sederhana.

Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) 人生为了什么 (kehidupan untuk apa)
- (ii) 至仁 (berkebajikan)
- (iii) 李陵碑 (*Li ling Bei*)
- (iv) 查阅雨林树冠资源时翻到一张陈旧的纸片 (apabila melihat sumber kanopi hutan hujan dan terbaca satu helaian kertas)
- (v) 智者乐水，仁者乐山 (orang bijak menikmati air, orang baik menikmati gunung)

Soalan 8

Soalan pilihan, iaitu jawab satu daripada tiga soalan. Calon diminta memilih soalan 8(a), 8(b) atau 8(c). Mutu jawapan calon bagi jenis soalan esei ini adalah memuaskan, dan prestasi adalah lebih tinggi dari tahun 2021.

Soalan 8(a) menghendaki calon menganalisis puisi *Shang Wanyun* (商晚筠) yang bertajuk “*Dingshui Wuheng*” (〈定水无痕〉). Soalan ini, calon dikehendaki menyatakan tema puisi. Secara keseluruhannya prestasi calon adalah sangat memuaskan. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Menulis tentang pengejaran cinta.
- (ii) Menulis tentang pegangan terhadap cinta.

Soalan 8(b) menghendaki calon menganalisis watak *Yin Xueyan* (〈尹雪艳〉) dalam novel *Bai Xianyong* (白先勇). Secara keseluruhannya prestasi calon adalah memuaskan. Soalan ini adalah paling popular antara calon. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Cantik, menawan, mulia.
- (ii) Tidak tua dan kejam.

Soalan 8(c) ialah soalan yang popular dan prestasi calon memuaskan. Soalan 8(c) adalah soalan esei yang berkenaan dengan prosa *Zhang Ailing* (张爱玲) yang berjudul “adik” (〈弟弟〉). Tugas soalan ialah menganalisis perhubungan adik-beradik dalam karya tersebut. Pada keseluruhan, prestasi dan markah calon adalah memuaskan, dan calon dapat memberikan contoh-contoh yang menyokong komen-komen mereka. Contoh jawapan yang tepat adalah berikut:

- (i) Kesayangan kakak terhadap adik semasa kecil.
- (ii) Perhubungan yang kurang rapat selepas dewasa.